

ISU KONTEMPORARI (*AL-QADIYYAH AL-MUA'SIRAH*) PERUBATAN FORENSIK DALAM FIQAH PEMBUKTIAN (*FIQH AL-ITHBAT*) KES-KESJENAYAH

oleh: Amin al-Jarumi¹

ABSTRAK

Perkembangan sains dan teknologi moden membawa pelbagai implikasi dan kesan yang ketara terhadap sistem sosial dan sistem undang-undang termasuk undang-undang syarak. Dari sudut undang-undang syarak satu persoalan timbul, iaitu sejauhmana syariat menerima hasil sains dan teknologi ini dalam pembuktian (*al-ithbat*) sehingga timbulnya apa yang diistilahkan sebagai isu-isu kontemporarifiqah pembuktian (*al-qadaya al-mua'sirah fi fiqh al-ithbat*). Isunya adakah penemuan-penemuan kontemporari ini diterima dan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip pembuktian syarie? Jika ianya diterima, apakah asas-asas dan sandaran penerimaannya dan sejauhmana ianya dibenar digunapakai? Apakah penggunaannya tidak menjejaskan matlamat terakhir prosiding mahkamah iaitu menegakkan keadilan? Ini merupakan beberapa persoalan yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini yang memfokuskan kepada satu saluran pembuktian kontemporari iaitu perubatan forensik (*forensic medicine*) dalam kesalahan-kesalahan jenayah. Diharapkan dengan itu, ianya menjadi bukti bahawa sistem pembuktian dalam syariat Islam tidaklah sahaja memiliki cara dan saluran-saluran tetap (yang tidak boleh berubah atau ditambah) sepertimana yang telah digariskan oleh *ulama'* terdahulu, namun terdapat juga cara dan saluran kontemporari yang boleh digunapakai dalam pembuktian kes-kes jenayah. Justeru, dengan itu akan ketaralah elemen keanjalan (*flexibility*) dan realistiknya fiqah pembuktian itu yang boleh diamalkan pada setiap masa dan tempat.

Kata Kunci: *Isu Kontemporari, Perubatan Forensik, Pembuktian.*

¹Prof. Dr. Md. Amin Abdul Rahman al-Jarumi, Pensyarah Kulliyah Syariah dan Undang-undang, UniSHAMS, Kuala Ketil.

Pendahuluan

Pembuktian dalam konteks perbicaraan ialah proses mengemukakan bukti terhadap sesuatu dakwaan hak atau kepentingan yang dibuat dalam majlis kehakiman dengan menggunakan cara atau saluran-saluran yang diharuskan syarak yang akan memberi kesan dari segi perundangan ke atas dakwaan tersebut.²

Jika dirujuk kepada penulisan *ulama'-ulama'* terdahulu terdapat cara dan saluran pembuktian yang diamalkan iaitu: Pengakuan (*al-Iqrar*), Kesaksian (*al-Shahadah*), Sumpah (*al-Yamin*), Catatan (*al-Kitabah*), Petanda-petanda (*al-Qara'in*), Pengetahuan Hakim (*'Ilm al-Qadi*) dan Pengenalpastian (*al-Mu'ayanah*). Semua cara dan saluran ini berdasarkan kepada *nass-nass* syarie samada al-Qur'an, al-Sunnah atau *al-Ijma'*. Namun, keadaan semasa telah berubah dimana penemuan-penemuan sains dan teknologi moden meruntun para *fuqaha'* menggunakan kaedah *Ijtihad* dan *Qiyas* bagi mendepani persoalan-persoalan berkaitan pembuktian setelah terputusnya wahyu dan *nass-nass* syarie. Ini memandangkan kejadian dan kes-kes jenayah bentuk baru timbul tanpa batasan masa dan tempat yang memerlukan para *ulama' mujtahidin* menggunakan *ijtihad* mereka dalam konteks mengaplikasi cara dan saluran-saluran pembuktian kontemporari selari dengan tuntutan syariat dalam menangani kes-kes tersebut.

Perubatan Forensik (*Forensic Medicine*)

Perubatan forensik adalah salah satu cabang ilmu perubatan. Ia merupakan suatu istilah yang merangkumi kesemua pengkhususan perubatan yang pelbagai, namun ianya lebih ditumpukan kepada menerangkan masalah-masalah dan kes-kes perubatan yang ada kaitan dengan peradilan. Justeru, ianya disebut sebagai 'Hubungan Antara Perubatan Dengan Undang-undang'.³

Perubatan forensik bolehlah didefinisikan sebagai, "Ilmu yang membicarakan tentang aplikasi ilmu perubatan bagi menyelesaikan banyak dari kes-kes yang dibentangkan di hadapan kuasa kehakiman dimana hakim tidak dapat membuat penghakiman, melainkan dengan bantuannya."⁴

²*Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami*, t.th., al-Qaherah: Dar al-Kitab al-Misri, juzu' 11, hlm. 136.

³Husain, 1999, t.p., *al-Tibb al-Shar'i*, hlm. 3 dan Abu al-Raghib, 2000, *al-Tibb al-Shar'i wa Adab al-Tibb*, hlm. 2.

⁴al-Minshawi, 1993, *al-Tibb al-Shar'i wa Dawruhu al-Fanni fi al-Bahth 'an al-Jarimah*, hlm. 3. dan Shahrur, t.th., t.p., *al-Tibb al-Shar'i: Mabadi' wa Haqa'iq*, hlm. 15.

Justeru, ia merangkumi banyak kes-kes seperti menentukan hal keadaan kematian atau menetapkan sebab-sebabnya dan masa ianya berlaku. Atau mencari kesan-kesan yang pelbagai terhadap insiden atau kejadian-kejadian seperti membuat analisis terhadap tompok-tompok darah. Atau sperma atau pemeriksaan perubatan secara langsung seperti dalam serangan-serangan seksual. Atau serangan ke atas tubuh badan seperti hal keadaan luka dan menggugurkan kandungan untuk diketahui identiti pihak yang menyerang dan tabie serangan samada secara langsung atau bersebab dan lain-lain kes yang menjadi kepentingan kehakiman untuk memutuskan dalam pertelingkahan dan dakwaan-dakwaan yang dibentangkan dihadapan mahkamah.⁵

Dari sini dapat difahamkan, bahawa perubatan forensik termasuk dalam apa yang dinamakan dalam sumber-sumber fiqah sebagai ‘Merujuk atau Meminta Pandangan Pakar’ (*Su’al Ahl al-Khibrah*) yang dikira sebagai saluran-saluran pembuktian yang diperselisihkan dalam fiqah Islam. Justeru, perlulah terlebih dahulu dibincangkan tentang kedudukan ‘*al-khibrah*’ sebagai salah satu saluran pembuktian.

Definisi *al-Khibrah*:

Al-Khibrah ialah: Pemberitahuan pakar tentang hakikat sesuatu yang dipertikaikan padanya dengan permintaan dari hakim.⁶

Hukum *al-Khibrah* Sebagai Satu Dari Saluran Pensabitan:

Fuqaha’ tidak berbeza pendapat dalam beramal dengan perakuan-perakuan pakar-pakar dalam kes-kes yang dipertikaikan di antara pihak-pihak bertikai. Ini disebabkan terdapat petunjuk dari al-Qur’an dan al-Sunnah terhadap penyarian menyoal pakar bila berlakunya perselisihan dan perdebatan dalam menentukan hak-hak dan hukum-hukum syarak. Antaranya firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka tanyalah mereka yang mengetahui jika kamu tidak mengetahui (mengenai sesuat).”⁷

⁵Fawdah dan lain-lain, 1996, *al-Tibb al-Shari’i wa Jara’im al-I’tida’ ‘ala al-Ashkhas wa al-Amwal*, hlm. 9-10.

⁶al-Zuhayli, 1982, *Wasa’il al-Ithbat fi al-Shari’at al-Islamiyyah fi al-Mu’amalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Shakhsiiyyah*, juzu’ 11, hlm. 594.

⁷*Al-Qur’an*, surah *al-Nahl*: 43.

Selain dari itu, terdapat hadith-hadith Nabi SAW dan *athar* para sahabat yang mengarah supaya dirujuk kepada *al-Qafah* (pakar-pakar dalam bidang penentuan nasab (physiognomy) secara neneliti kepada persamaan yang terdapat di antara dua orang) dan beramal dengan apa yang ditemui oleh mereka dalam isu keturunan (*al-nasab*) jika ianya dimusykilkan atau dipertikaikan. Misalnya, ‘Aisyah ada berkata:

Pada suatu hari Rasulullah SAW telah masuk menemuiku dalam keadaan gembira yang jelas terbayang pada wajahnya sambil berkata, “*Mujazziz al-Mudlaji baru sebentar tadi memerhatikan Zaid dan Usmah setelah menutup kedua-dua kepala mereka dan membiarkan kaki-kaki mereka terbuka. Maka dia (Mujazziz) berkata, “Kaki-kaki mereka berdua ini mempunyai persamaan antara satu dengan yang lain.”*”⁸

Dalam kalangan para sahabat, sebagai contoh, Ja’afar ibn Muhammad ada menceritakan:

‘Umar ibn al-Khattab telah didatangi oleh seorang wanita yang telah terpicat dengan seorang pemuda Ansar. Dia amat menggilainya. Apabila lelaki itu tidak menghiraukan godaannya, maka dia membuat helah ke atasnya. Dia mengambil sebiji telur dan dibuang bahagian kuningnya. Dia melumurkan telur (putih) ke atas pakaian dan di antara kedua belah pahanya. Kemudian dia datang kepada ‘Umar sambil berteriak, “*Orang ini telah merogolku, dia memberi malu kepada ahliku (keluargaku) dan (lihat) ini dia bukti perbuatannya.*” ‘Umar bertanya tentang bukti itu. Maka perempuan itu berkata, “*Ditubuh dan pakaianku ini ada kesan-kesan air mani.*” ‘Umar hampir-hampir hendak menghukum pemuda itu. Namun, pemuda itu merayu ‘Umar sambil berkata, “*Wahai Amir al-Mu’minin, buatlah keputusan terhadap kesku ini, Demi Allah aku tidak melakukan kejahatan ini dan tidak terlintas difikiran-ku aku akan berbuat demikian. Apabila ia datang (lintasan*

⁸Riwayat al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari bi Hashiyat al-Sindi*, juzu’1V, hlm. 171, Muslim, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, juzu’X, hlm. 41, Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, juzu’11, hlm. 280, al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, juzu’1V, hlm. 440, al-Nasa’i, *Sunan al-Nasa’i*, juzu’V1, hlm. 184-185, Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, juzu’11, hlm. 787, dan al-Imam Ahmad ibn Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, juzu’V1, 82..

melakukan kejahatan) aku tabahkan diriku.” Kemudian ‘Umar berkata, *“Wahai bapa al-Hasan (‘Ali ibn Abi Talib), apa pandanganmu mengenai kes kedua mereka ini?”* Maka ‘Ali melihat apa yang ada pada pakaian wanita tersebut, sambil meminta air panas yang mendidih. Kemudian disimbah-kannya ke atas pakaian tersebut. Tiba-tiba telur putih itu membeku. Dia mengambilnya, dihidu dan dirasakan dengan lidahnya. Maka ketahuilah rasanya seperti putih telur. Kemudian didehkan perkara itu kepada wanita tersebut sehingga membuatnya terpaksa membuat pengakuan. Dengan itu Allah melindungi orang Ansar itu dari dihukum oleh ‘Umar.⁹

Dari kedua-dua contoh kejadian di atas jelas menunjukkan kerja-kerja kepakaran seperti yang dikenali dewasa ini dengan perubatan forensik telah dijalankan oleh pakar-pakar pada zaman dahulu walaupun dengan menggunakan cara dan peralatan yang agak primitif, sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan dikala itu.

Peranan Perubatan Forensik Dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah

Para pakar dengan bantuan perkembangan sains dan teknologi dalam bidang perubatan dan kajian makmal telah berjaya mencapai natijah ilmiah dalam kajian makmal ke atas kesan-kesan yang ditinggalkan seseorang pada tempat yang dia biasa mengunjunginya atau melalui penemuan perubatan ke atas susuk badan bagi orang tersebut dan membuat analisis terhadap anggota-anggota luarnya atau susunan dalaman jasadnya. Isunya sekuat mana natijah-natijah ini dalam membuat pendalilan ke atas insiden dan kejadian-kejadian? Apa pandangan fuqaha’ terhadap natijah-natijah ini?

1. Mensabitkan Mengambil Benda-benda Yang Memabukkan

Pakar-pakar yang membuat analisa makmal perubatan menyatakan bahawa darah manusia tidak mengandungi sebarang jenis alkohol. Jika dijalankan kajian makmal terhadap darah manusia untuk melihat nisbah alkohol dalam darah, maka akan di dapati hasilnya adalah sifar.

⁹ Al-Tusturi, 1308H., *Qada’ Amir al-Mu’minin ‘Ali ibn Abi Talib*, hlm. 14-15 dan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, t.th., *al-Turuq al-Hukmiyyah*, hlm. 50.

Dianggarkan terdapat 'ethanol' pada kesemua jenis bahan beralkohol dan memabukkan, namun kadarnya berbeza. Di dalam beer terdapat 4%, di dalam wiski dan vodka terdapat 40%, sedangkan dalam brandy (cognac) terhadap sehingga 55%.¹⁰

Alkohol mengesani ke atas fungsi otak manusia secara langsung. Ia memberi kesan ke atas kudrat akal seseorang dalam menjalankan fungsi yang memerlukan kepada kejituan secara tabi'e dan memberi kesan ke atas keseragaman gerakan kepada otot-otot. Ini akan membuatkan seseorang itu bertindak dengan sesuatu yang ditegah oleh fitrah semula jadi manusia dan geraklaku yang lurus. Akibatnya berlakulah tindakan dan salahlaku-salahlaku sosial seperti membunuh, mencuri, serangan seksual, membunuh diri, insiden-insiden jalanraya dan membuat kacau.¹¹

Natijah dari tindakan-tindakan tidak berakhlak yang menafikan ajaran agama, fitrah semula jadi dan adat kebiasaan, maka semua negara membuat peruntukan undang-undang dengan perbezaan dari segi kadar nisbah yang boleh dihukum peminumnya dan jenis hukuman yang menghukum orang-orang yang meminum arak. Namun, bagi kita umat Islam sesiapa saja yang mengambil arak walaupun sedikit mana kadarnya, maka dia akan dihukum dengan hukuman *hadd* syarie ke atas. Ini disebabkan Nabi SAWada bersabda dari Jabir ibn Abdullah, yang bermaksud:

*“Sesuatu yang memabukkan sedangkan dianya banyak, maka sedikitnya pun masih haram.”*¹²

Dari sini difahamkan, jika terdapat tuduhan seseorang telah meminum arak atau alkohol, maka dia akan diserahkan kepada bahagian perubatan forensik untuk dianalisa. Peranan doktor forensik ialah:

1. Memberi keterangan sama ada petanda-petanda yang dapat dilihat menunjukkan yang seseorang itu telah mengambil alkohol ataupun tidak.

¹⁰Al-Tumi, 1993, *al-Tasammum bi al-Koholat – Kitab al-Tibb al-Shar'i wa al-Samum*, hlm. 231.

¹¹*Ibid*, hlm. 235.

¹²Riwayat Ahmad ibn Hanbal, *Musnad Ahmad ibn Hanbal*, juzu'111, hlm. 343, Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, juzu'111, hlm. 327, al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, juzu'IV, hlm. 258; dan Ibn Majah. *Sunan Ibn Majah*, juzu'11, hlm. 1125.

2. Mengumpulsampel-sampel yang lazim dari orang yang diperiksa, menyimpan dan menghantarnya untuk dianalisa dalam makmal.

Sampel-sampel yang diambil tidak semestinya dari darah semata-mata, sebaliknya mungkin dari air kencing atau kandungan perut jika ia boleh dilakukan. Yang berbeza ialah cara menjaga bahan darah dari segi berapa banyak diambil, bagaimana ianya disimpan dan jenis bahan yang menjaganya.¹³

Namun perlu diberi perhatian, analisa 'tubuh badan' tidak memadai untuk mensabitkan seseorang itu telah meminum bahan yang memabukkan ataupun tidak. Ini disebabkan sebahagian dari penyakit terdapat petanda-petanda yang sama dengan peminum arak. Justeru, pakar-pakar perubatan forensik membuat analisa dan kajian makmal ke atas darah untuk menentukan bahawa pentanda-petanda ini disebabkan oleh minum arak.

Sementara itu, analisa dan kajian makmal pada bahan-bahan yang diambil dari darah pihak yang tertuduh atau dari air kencingnya atau apa yang ada dalam perutnya adalah merupakan analisa yang putus pendalilannya dalam menafikan atau mensabitkan terdapatnya bahan alkohol. Ini berdasarkan, fakta ilmiah secara putus menunjukkan pada asalnya tidak terdapat nisbah alkohol walaupun sedikit dalam diri insan.

Berdasarkan kepada fakta ini, dalam membuktikan kesalahan *hudud* bersandarkan kepada petanda-petanda (*al-qara'in*) dapatlah dikatakan cara-cara mengenal pasti bahan memabukkan dalam darah sama ada melalui analisa makmal atau peralatan teknologi tidak cukup untuk menegakkan hukum *hadd* ke atas sesiapa yang terdapat kadar tertentu alkohol dalam darahnya. Ini disebabkan:

- a. Natijah yang dihasilkan oleh pakar dalam kajian makmal walaupun putus tidak boleh mensabitkan kehendak (*iradat*) dan pilihan (*khiyar*) peminum dalam mengambil arak atau pengetahuannya tentang pengharamannya. Mungkin ia terhasil dari *shubhah* dan kejahilan, sepertimana seseorang yang meminum sesuatu yang disangkanya

¹³ Shahrur, t.th., *al-Tibb al-Shar'i Mabadi' wa Haqa'iq*, hlm. 270, Beirut: t.p..

harus, namun didapati kemudiannya ia memabukkan atau dia dipaksa meminum bahan yang memabukkan di bawah ancaman senjata. *Shubhah* ini sudah memadai untuk ditolak hukuman *hadd*.

- b. Cara-cara kajian ini tidak lain daripada petanda-petanda (*qara'in*) pembuktian. Telah sabit bagi *fuqaha'*, tidak sah menyandarkan kepada petanda-petanda dalam mewajibkan hukuman *hadd* dan tidak syak lagi bahawa kajian-kajian makmal ini adalah satu jenis dari petanda-petanda itu.

Namun, cara-cara ini boleh membantu sebagai petanda-petanda mengukuhkan segi pensabitan (bukan penafian) jika ianya digabungkan kepadanya dengan bukti-bukti lain.

Sebaliknya, mungkin boleh disandarkan kepada dua saluran tadi iaitu kajian makmal dan peralatan teknologi dalam menafikan hukuman *hadd* ke atas sesiapa yang dituduh meminum arak. Jika dua orang membuat kesaksian seseorang telah minum arak dan telah disabitkan oleh kajian makmal ataupun peralatan mengukur kadar arak tiada nisbah alkohol – dengan syarat cara yang dijalankan analisa tersebut terpelihara dari segi masa yang lazim bagi menjalankan analisa makmal dan cara menyimpan sampel – itu sudah memadai sebagai bukti yang menolak *hadd* kerana pendalilan dari analisa-analisa ini lebih kukuh pendalilannya dari kesaksian.

Pada masa yang sama, tidak disandarkan ke atas analisa fizikal dalam menafikannya. Ini disebabkan orang yang meminum arak mungkin mengambilnya dalam kadar yang tidak memberi kesan pada tubuh badannya kerana tiada petanda-petandanya di luar (seperti berjalan terhoyong-hayang) sepertimana seseorang yang hanya meminum seteguk atau dua teguk arak.

2. Mensabitkan Jenayah Seksual

Di antara kes-kes yang boleh dibuktikan oleh perubatan forensik ialah dakwaan-dakwaan berlaku perbuatan zina, liwat atau rogol. Maka ianya akan dikemukakan kepada pakar-pakar perubatan forensik untuk diteliti samada dakwaan-dakwaan itu benar ataupun palsu. Memandangkan membuat kepastian tentang jenayah seksual adalah pengkhusuan perubatan forensik, maka pakar-pakar perubatan forensik menegaskan

pihak-pihak yang menjaga keamanan – seperti polis dan penguatkuasa – hendaklah segera menyerahkan pihak-pihak yang terlibat dengan jenayah ini kepada pakar-pakar bagi menjamin ianya segera dapat dikenalpasti kesan-kesan andaian berlakunya hubungan seksual dan petanda-petanda kerelaan (*consent*) - jika ada - sebelum ianya hilang atau dihilangkan.¹⁴

Pakar-pakar perubatan forensik akan menjalankan beberapa prosedur berikut:

- a. Pemeriksaan anggota setiap pendakwa dan yang kena dakwa yang merangkumi:
 - i. Memeriksa alat-alat kelamin kedua-dua belah pihak dengan tujuan menentukan terdapat petanda-petanda berlakunya hubungan seksual. Misalnya, terdapat koyakan-koyakan, pecahan-pecahan pada alat sulit wanita atau terdapat kesan-kesan air mani.
 - ii. Memeriksa anggota-anggota tubuh badan yang lain dengan tujuan untuk diketahui sama ada terdapat kerelaan ataupun paksaan. Ianya mengandungi:
 - Petanda-petanda melawan serangan seksual dengan memeriksa mulut, tengkok, dua kaki tangan dan kuku. Ini memandangkan serangan yang hakiki semestinya disusuli dengan tindakan menentang dari pihak yang kena serang yang akan meninggalkan kesan-kesan lebam, bengkak, guris ke atas dua pergelangan tangan, siku, di sekeliling hidung dan mulut, pada dua peha dan lutut bagi yang kena serang, bahkan penyerang.
 - Petanda-petanda ketidakupayaan tubuh badan, jiwa atau akal. Ini disebabkan pada beberapa hal keadaan dimana pihak yang kena serang mendakwa bahawa dia dalam keadaan khayal disebabkan kesan dadah, *hypnotism* atau paksaan. Dalam keadaan begini, doktor pakar akan menyoal dan menganalisa bagi memastikan sama ada dakwaan itu benar ataupun palsu. Maka dia akan menyoal bagaimana yang kena serang mendapati keadaan tidak sedarkan diri. Adakah ianya berlaku melalui makanan atau minuman dan banyak mana yang diambil. Selepas itu doktor

¹⁴ Abu al-Raghib, 2000, *al-Tibb al-Shar'i wa Adab al-Tibb*, hlm. 80.

akan membuat pemeriksaan ke atas yang kena serang iaitu dengan diperiksa mata hitam (*iris*), cara bercakap dan berjalan, menganalisa sampel air liur (*saliva*), air kencing, najis, degupan dan tekanan darah dalam mencari bahan dadah.

Dalam mensabitkan terdapatnya kesan-kesan dadah dalam diri pihak yang diserang hendaklah jangan dilakukan setelah berlalunya masa yang panjang, kerana akan menyukarkan mencari kesan-kesan bahan-bahan tersebut. Ini disebabkan pada ghalibnya lebih-lebihan yang keluar dari tubuh manusia tidak membawa sebarang kesan. Namun, jika pemeriksaan dilakukan selepas serangan dalam jangka masa yang singkat, maka mudahlah ianya untuk diketahui hakikatnya.

- b. Pemeriksaan makmal terhadap pakaian untuk dicari apa-apa kesan darah atau sperma ke atasnya yang kewujudannya mungkin disebabkan oleh hubungan seksual dan adakah kesan-kesan tersebut boleh dirujuk kepada kedua-dua pihak berkenaan yang melakukan hubungan jenis secara paksaan (rogol) atau kerelaan hati (zina) ataupun tidak.¹⁵

Mendedahkan Tentang Wujudnya Sperma

Menemui kadar tertentu sperma pada kemaluan wanita atau di atas pakaiannya adalah petanda (*qarinah*) berlakunya persetubuhan, namun doktor forensik memerlukan kepada dua perkara untuk mensabitkannya:

1. Memastikan apa yang ditemui itu adalah sperma sebenar ataupun bukan.
2. Memastikan bahawa sperma itu adalah milik yang didakwa ataupun tidak.

Amat mudah untuk dibuat kepastian jika sperma itu baru iaitu dengan menghidu baunya yang tengik, tetapi dalam hal keadaan keringnya, maka ianya berubah menjadi kekuning-kuningan dan baunya agak kurang.

Pada permulaannya, doktor forensik akan mendedahkan sperma melalui menghidu ataupun mendedahkan tompokan sperma ke atas mikroskop. Jika ianya sperma maka ia akan jelas kelihatan dengan warna ungu

¹⁵ Al-Jabiri, 1991, *al-Tibb al-Shar'i wa al-Samum*, hlm. 168 – 173.

kebiruan bercahaya.¹⁶ Namun, ujian ini mungkin menafikan tompokan itu hasil dari wujudnya sperma dan tidak memberi faedah dalam memperkukuhkan kewujudannya.

Di sini pakar tersebut akan mengalihkan tompokan-tompokan itu kepada makmal-makmal yang khusus untuk dijalankan ujian-ujian kimia untuk mendedahkan tentang wujudnya sperma. Ujian ini akan mendatangkan beberapa hasil.

Hasil yang pertama:

Setelah ujian-ujian ini dijalankan, maka pakar forensik tadi akan dapat memastikan salah satu dari natijah-natijah berikut:

- a. Berlakunya penetrasi dengan had yang paling minimum, iaitu hilangnya kepala zakar di antara dua dinding faraj (*labium*). Di sini doktor forensik akan memeriksa pendakwa dan yang kena dakwa untuk memastikan telah berlakunya penetrasi pada hadnya yang minimum atau tidak berlakunya tanpa melibatkan kelukaan pada muka luar kemaluan perempuan atau selaput dara atau kedua-duanya.
- b. Berlakunya penetrasi dengan hadnya yang minimum dengan tenggelamnya kepala zakar sepenuhnya ke dalam faraj. Boleh dirujuk ketiadaan kesan-kesan kepada wujudnya kemunasabahan antara anggota seks bagi pendakwa dan yang kena dakwa. Namun, perkara ini tidak menghalang dari ketaranya petanda-petanda penetrasi pada perempuan.
- c. Tidak kedapatan sperma pada sampel makmal yang diambil dari alat-alat kelamin atau luarnya atau pakaian dan lain-lain. Ini dapat dipulangkan kepada berlalunya masa yang panjang antara berlakunya penetrasi dengan pengambilan sampel atau disebabkan ianya telah dibersihkan atau dibasuh tubuh badan atau pakaian atau sperma di buang di luar faraj (*al- 'azl*).

Hasil Yang Kedua:

Terdapatnya petanda-petanda andaian berlakunya penetrasi, namun ia bukan merupakan bukti yang putus ke atas berlakunya. Ini didasarkan

¹⁶ Wajih, 1993, *al-Jara'im al-Jinsiyah*, hlm. 110.

kepada beberapa andaian. Antaranya, berlakunya luka-luka pada kemaluan dengan sebab lain yang disengajakan atau tidak disengajakan atau kemungkinan sampainya sperma melalui perbuatan seksual di luar kemaluan sehingga tidak mencapai walaupun hadnya yang minimum.

Hasil Yang Ketiga:

Tidak terdapat apa-apa kesan berlakunya penetrasi dan dakwaan dikala itu adalah semata-mata pembohongan. Sepertimana keadaan lelaki itu mati pucuk (*impotent*) atau zakarnya terpotong dan tidak terdapat sebarang kesan paksaan atau ketidakupayan pada diri yang mendakwa sepertimana terdapat lebam-lebam, bengkak-bengkak atau koyakan-koyakan pada kemaluan. Atau orang yang diserang masih dara dan alamat-alamat lain yang menunjukkan tidak berlakunya sebarang penetrasi.

Berdasarkan kepada fakta-fakta ini maka dapat dirumuskan:

1. Hasil pemeriksaan perubatan forensik dari segi penafian berlakunya penetrasi hampir kepada putus (*qat'i*) dan meyakinkan. Ini disebabkan realiti menunjukkan mustahil berlakunya penetrasi tanpa meninggalkan sebarang kesan.
2. Hasil pemeriksaan perubatan forensik dalam ruang pensabitan bukanlah suatu hasil yang putus dan konkrit. Sebaliknya, ia sekadar hasil yang *zanni* yang berkemungkinan sepadan dengan realiti ataupun tidak dalam beberapa keadaanya. Mungkin kadangkala merupakan andaian yang kukuh (*zanniyyah rajihah*) sepertimana pemeriksaan genetik bagi sperma atau darah yang secukup dengan kriteria-kriteria genetik bagi pihak yang kena dakwa.

Justeru, pandangan syarak dalam masalah mensabitkan jenayah-jenayah seksual melalui perubatan forensik tidak memada untuk disandarkan kepadanya dalam mensabitkan hukuman *hadd* ke atas yang kena dakwa, sebaliknya ia hanya memberikan hasil andaian samada benar ataupun tidak. Ini sudah memadai untuk menjadikannya suatu *shubhah* yang menolak hukuman *hadd*, tambahan pula kes-kes *hudud* memerlukan kepada bukti-bukti yang putus dalam mensabitkannya.

Hilangnya Selaput Dara

Wujudnya selaput dara (*hymen*) adalah petanda kedaraan seseorang wanita dan terselamatnya dari disetubuhi oleh lelaki sama ada dengan persetubuhan yang halal (melalui perkahwinan) atau dengan persetubuhan yang haram (berzina atau dirogol).

Dalam banyak hal keadaan, walaupun disabitkan telah berlakunya penet-rasi, namun ianya tidak merobekkan selaput dara. Bahkan dalam keadaan lain kemungkinan berlakunya kehamilan yang menjadi bukti yang putus dengan berlakunya persetubuhan yang sempurna atau sebahagian tanpa merobekkan selaput dara. Sebahagian pakar pula menyatakan tidak berlaku koyakan selaput dara hatta setelah proses bersalin, jika selaput dara merupakan suatu lompong yang luas dan boleh dianjalkan sekira-kira membolehkan keluarnya janin tanpa merobekkannya.¹⁷

Dari sudut yang lain, kemungkinan selaput dara mungkin terobek tanpa melalui persetubuhan seperti ianya terobek disebabkan oleh kerana melompat, terjatuh, berlanggar, memikul sesuatu yang berat, terlalu lama tidak berkahwin (*'anis/spinster*), dirosakkan dengan jari, terlalu banyak darah haid yang keluar atau sebab-sebab lain.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, maka para *fuqaha'* telah membahaskan tentang masalah mensabitkan zina jika didapati hilangnya kedaraan, maka mereka telah berijma' bahawa zina tidak boleh disabitkan dengan cara ini kerana banyak sebab-sebab hilangnya dara. Justeru, mereka mengatakan hendaklah sempurna unsur-unsur pensabitan yang diambil kira oleh syarak iaitu pengakuan (*al-iqrar*) atau kesaksian (*al-shahadah*) empat orang lelaki yang adil (yang tidak pernah melakukan dosa besar dan tidak sentiasa melakukan dosa kecil).¹⁸

Namun, jika didedahkan masalah percanggahan antara kesaksian yang diambil kira dalam perzinaan dengan kesaksian wanita yang adil tentang tidak hilangnya kedaraan, maka mereka berselisih pendapat sama ada diwajibkan *hadd* ataupun tidak.¹⁹

¹⁷ Shahrur, t.th., *al-Tibb al-Shar'i: Mabadi' wa Haqa'iq*, hlm. 122-123.

¹⁸ Muhammad Na'im Yasin, 1996, *Amaliyyat al-Ratq al-'Uzri fi Mizan al-Maqasid al-Shar'iyyah*, hlm. 238.

¹⁹ *Ibid*, hlm. 231-232.

Fuqaha' Mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali berpendapat jika empat orang lelaki membuat kesaksian ke atas seorang wanita yang berzina dan wanita-wanita yang dipercayai pula membuat kesaksian bahawa daranya masih kekal, maka tidak dikenakan *hadd* ke atasnya dan tidak juga ke atas saksi-saksi (atas dakwaan menuduh berzina/*qazaf*). Ini disebabkan kesaksian wanita-wanita itu adalah hujah pada perkara yang tidak dapat dilihat oleh lelaki dan tambahan lagi tidak dikenakan *hadd* berdasarkan kesaksian wanita.²⁰

Sementara itu, *fuqaha'* Mazhab Maliki mewajibkan *hadd* jika empat orang wanita membuat kesaksian yang dia masih dara dengan memberi keutamaan kepada kesaksian lelaki ke atas wanita dan juga kemungkinan berlakunya persetubuhan tanpa menghilangkanan dara wanita tersebut.²¹

Pendapat yang *rajih* ialah pendapat *fuqaha'* Maliki, memandangkan kepada apa yang telah dicapai oleh sains moden tentang kepelbagaian jenis selaput dara kerana terdapat yang bersifat 'anjal/bergetah', yang mempunyai limpangan atau ruang yang luas dan kajian-kajian ilmiah menekankan bahawa selaput dara jenis ini tidak terkoyak hinggak pada penetrasi yang sempurna kerana sifat elastiknya dengan anggota sulit lelaki. Maka kekallah pensabitan syarie yang dibina di atas kesaksian empat orang saksi lelaki dan tidak mengukuhkan *shubhah* kekalnya kedaraan untuk digugurkan hukuman *hadd*.

3. Mensabitkan Jenayah Membunuh dan Mencuri

Tidak berbeza peranan perubatan forensik dalam jenayah membunuh dan mencuri dengan peranannya dalam kes serangan seksual, melainkan dalam jenayah seksual pada ghalibnya pihak yang kena dakwa diketahui disebabkan oleh orang yang diserang makhluk manusia yang hidup dan dapat mengenali siapa yang menyeranginya. Namun, dalam kesalahan membunuh dan mencuri pada ghalibnya dia tidak diketahui kerana pihak yang kena serang dalam jenayah membunuh hilang nyawanya dan dalam

²⁰al-Sarkhasi, 1989, , *al-Mabsut*, juzu' 1X, 73-74, Ibn 'Abidin, 1994, *Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*, juzu' V1, hlm. 49, al-Shafi'i, 1393H., *al-'Umm*, juzu' V11, hlm. 44, Ibn Qudamah, 1992, *al-Mughni Sharh Mukhtasar al-Kharqi*, juzu' X11, hlm. 374 dan Ibn Muflih, t.th., *al-Mubdi' Sharh al-Muqni*, juzu' 1X, hlm. 81.

²¹al-Dardir, 1996, *al-Shar al-Kabir*, juzu' V1, hlm. 294.

kes mencuri pula pencuri tidak diketahui, melainkan jika seseorang melihat perbuatan mencuri tersebut.

Namun, dengan perkembangan sains perubatan moden dan pembuktian jenayah, maka para pakar dalam kedua-dua bidang ini telah mengambil faedah dari kesan-kesan yang ditinggalkan oleh pelaku tanpa dia menyedarinya. Ini disebabkan pada ghalibnya terdapat keadaan pesalah-pesalah yang gugup dan takut diketahui perbuatan mereka. Ini mengakibatkan mereka melakukan sebahagian dari tindakan dan perbuatan-perbuatan tanpa sedar yang menyebabkan ditinggalkan di belakang mereka kesan-kesan yang boleh membantu pakar-pakar mengetahui identiti mereka.

Di antara petanda-petanda dan kesan-kesan yang ditinggalkan oleh penjenayah pada arena kejadian ialah:

1. Tompokan-tompokan darah
2. Cap-cap Jari
3. Rambut
4. Kesan-kesan material yang lain seperti cebisan-cebisan pakaian, pontong rokok, senjata, sepotong kayu, kesan-kesan kaki, tumbuhan, tanah dan lain-lain.

Mungkin pada pandangan awal ada orang yang mengatakan kesan-kesan ini tidak diperiksa oleh doktor forensik dan bukan dari pengkhususannya seperti memeriksa jenis lapisan-lapisan pakaian atau jenis kayu atau cap jari atau tanah atau tumbuh-tumbuhan. Namun, hendaklah dinyatakan kepada mereka bahawa pengenalanpastian (*al-mu'ayanah*) dan pemeriksaan anggota bagi mayat orang yang dibunuh dan meneliti jenis kecederaan dan menentukan sebab-sebab kematian sememangnya merupakan pengkhususan doktor forensik. Maka dengan ini menjadi kewajipan ke atasnya mengeluarkan apa-apa kesan yang terdapat pada mayat orang yang dibunuh seperti darah, rambut dan petanda-petanda lain.

Memeriksa Tompokan-tompokan Darah

Ketika disyaki wujudnya tompokan-tompokan darah pada tempat berlakunya kejadian, maka dalam menyerlahkan hakikat tompokan-

tompokan ini adalah merupakan pengkhususan doktor forensik. Peranannya ialah dalam menentukan:

- a. Adakah tompokan-tompokan yang terdapat di tempat kejadian itu adalah darah sebenar ataupun bukan?
- b. Adakah tompokan itu datangnya dari manusia atau haiwan?
- c. Dari mana punca atau sumber tompokan ini?
- d. Adakah tompokan ini lama atau masih baru?

Pada peringkat awalnya, doktor forensik akan menjalankan ujian-ujian untuk mengenalpasti samada tompokan-tompokan itu darah sebenar ataupun bukan melalui pemeriksaan mikroskop atau ujian-ujian kimia.

Sementara dalam mengesahkan bahawa tompokan darah itu dari manusia atau haiwan, maka ianya boleh dilakukan melalui mikroskop iaitu melalui membandingkan antarakomponen darah manusia dengan komponen darah haiwan yang pada ghalibnya berbeza.²² Namun, eksperimen-eksperimen yang dibuat mensabitkan bahawa pemeriksaan ini menghadapi masalah di dalam membezakan antara kumpulan darah manusia dengan haiwan mamalia. Justeru, para pakar telah membuat ujian pemendakan pada darah. Namun begitu, masih terdapat kesukaran lain dalam membezakan antara darah binatang-binatang dari rumpun yang satu misalnya lembu dan kerbau. Dengan kajian dan ujian yang berterusan, maka masalah ini dapat diatasi bahawa hubungan rumpunan ini dengan menggunakan ujian-ujian kuantiti yang menjelaskan bahawa pemendakan yang memberi tindak balas yang lebih kuat dan lebih cepat dari yang lainnya menunjukkan itulah sumber asal darah.²³

Setelah dapat dipastikan bahawa tompokan-tompokan itu adalah darah dan datang dari manusia, maka doktor forensik hendaklah memastikan pula sama ada puncanya dari pihak yang diserang atau tertuduh dalam serangan tersebut. Dalam keadaan begini, diselesaikan pemeriksaan jenis dan kumpulan darah pada tompokan darah (ABO) dengan jenis-jenis yang lain dan diperbandingkan antara kumpulan darah setiap dari pihak yang diserang dengan yang menyerang. Jika terdapat perbezaan hasil ujian antara kumpulan tompokan darah dan kumpulan darah

²²Fawdah dan lain-lain, 1996, *al-Tibb al-Shar'i wa Jara'im al-I'tida' ala al-Ashkhas wa al-Amwal*, hlm. 386.

²³*Ibid*, hlm. 386 - 387.

tertuduh, maka ini menjadi bukti untuk menafikan tuduhan terhadap orang tersebut. Namun, jika terdapat persamaan antara kumpulan darah di tompokan darah dengan kumpulan darah dengan mana-mana pihak yang terkena jenayah atau tertuduh, maka ini menunjukkan salah seorang dari mereka adalah sumber kepada tompokan tersebut. Ini disebabkan penjenisan dan kumpulan darah hampir sama di antara manusia. Namun, mungkin boleh diambil kira bahawa persamaan di antaranya dengan kumpulan darah penjenayah sebagai petanda (*qarinah*) yang tidak mencapai ke tahap andaian yang hampir pada yakin (*al-zann al-ghalib*), melainkandalam keadaan adanya petanda-petanda (*qara'in*) lain pada darah yang menunjukkan terdapatnya hubungan antara tompokan darah dengan orang yang disyaki seperti terdapat jenis-jenis penyakit pada tompokan darah dengan jenis penyakit yang ada pada darah tertuduh. Maka dikala itu akan bertambahlah bagi pakar kepercayaan wujudnya hubungan antara orang tersebut dengan kejadian jenayah.²⁴

Di samping itu, ianya boleh dibantu oleh faktor baka (*gene*) dalam mensabitkan punca darah atau tompokan darah melalui penggunaan apa yang dinamakan dengan proses DNA dengan natijah yang dihasilkan melalui ujian ini memberi jawapan yang putus atau meragukan dari segi penafian atau pensabitan.²⁵

Memeriksa Rambut

Pada rambut dari segi perubatan forensik mempunyai peranan yang besar dalam mencari identiti seseorang. Para pakar perubatan forensik telah dapat mengambil faedah dari ciri-ciri khusus rambut dan sifatnya di antara orang-orang dari segi umur dan jenis. Sesuatu yang istimewa pada rambut ialah ianya dapat dikenali walaupun telah berlalu masa yang lama. Tumpuan tugas doktor forensik adalah untuk mengetahui punca rambut sama ada ianya rambut manusia ataupun bukan, melalui warna, bentuk, tisdan jalan susunan rambut di atas kulit kepala dan tempatnya di atas tubuh badan dimana melaluinya dapatlah doktor forensik menentukan banyak perkara yang ada hubungan dengan kejadian dan mengetahui melaluinya identiti orang-orang yang terlibat dengan kejadian itu.

²⁴Fawdah dan lain-lain, 1996, *al-Tibb al-Shari'i wa Jara'im al-I'tida'*, hlm. 387 – 388.

²⁵Abu al-Raghib, 2000, *al-Tibb al-Shar'i wa Adab al-Tibb*, hlm. 89.

Dewasa ini, penganalisaan rambut boleh dibuat melalui peralatan analisa stimulasi. Juga tidak harus dilupai bahawa rambut sepertimana bahagian-bahagian lain tubuh badan manusia mengandungi sel-sel yang mungkin dapat diketahui hakikatnya melalui proses DNA.

Melalui perbandingan yang mudah antara ciri-ciri rambut yang sudah dianalisa pada tempat kejadian dengan ciri-ciri rambut orang yang tertuduh, membolehkan diketahui bahawa mereka mempunyai hubungan dengan kejadian tertentu.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada keterangan di atas dapatlah disimpulkan:

1. Perkembangan sains perubatan dan kajian makmal mungkin boleh dikaitkan dengan kukuh antara orang-orang dengan kesan-kesan yang ditinggalkan oleh mereka secara perubatan dengan nisbah yang agak tinggisehingga sampai kepada tahap andaian yang kukuh (*al-zannal-ghalib*), walaupun tidak sampai ke had putus(*qat'i*).
2. Faedah penganalisaan kimia terhadap sampel-sampel kesan-kesan yang pelbagai di tempat kejadian sama ada ianya pembunuhan atau kecurian untuk diketahui identiti orang-orang yang terlibat, tanpa mensabitkan bahawa mereka melakukan jenayah-jenayah tersebut kerana kemungkinan mereka telah pun berada di tempat kejadian sebelum berlakunya kejadian atau selepasnya. Kemungkinan mereka meninggalkan kesan-kesan bagi mereka di tempat tersebut tanpa ada sebarang kaitan dengan kejadian.

Dari sini dapat disimpulkan, bahawa pendalilan melalui petanda-petanda (*al-qara'in*) perubatan ke atas kejadian membunuh dan mencuri adalah merupakan pendalilan yang *zaniyyah* yang berkemungkinan benar atau pun salah tanpa terdapat faktor keutamaan (*tarjih*). Oleh itu, tidak seharusnya ia dijadikan bukti pensabitan untuk dikenakan *hudud* ke atas pihak tertuduh kerana terdapat *shubhah* yang dihasilkan terhadap kemungkinan yang kuat bahawa kesan-kesan ini terdapat dengan sesuatu sebab yang lain dan kaedah *fiqhiyyah* menyatakan, "*Hukuman hudud tertolak dengan adanyashubhah*".

Sementara itu, dari segi penafian maka bolehlah disandarkan kepadanya secara putus (*qat'i*). Ini disebabkan analisa saintifik secara halus

memberi alasan kukuh bahawa tiada hubungan antara seseorang tertuduh dengan kesan-kesan dan petanda-petanda. Ini mungkin sekadar *shubhah* yang kuat kerana ketiadaan hubungan seseorang dengan kejadian dan kesan-kesan yang terdapat pada tempat kejadian.

Sementara dalam kesalah-kesalahan *ta'zir* maka ianya berbeza dengan kesalahan *hadd* dari segi keperluan kepada bukti yang kukuh dalam mensabitkannya. Maka kesalah-kesalahan *hadd* memerlukan keterangan yang sempurna dan ditolak bilamana terdapat *shubhah* yang kukuh. Ini bermakna, boleh dilaksanakan hukuman *ta'zir* walaupun terdapat *shubhah* kerana ia tidak mengandungi pemusnahan ke atas nyawa atau anggota. Urutan dari itu, mungkin pengenalpastian (*al-mu'ayanah*) yang dibuat itu tersalah, maka dengan itu dia diberi balasan ganjaran yang sepadan.

Dari sini boleh dikatakan, bahawa semua petanda-petanda perubahan mungkin boleh disandarkan kepadanya dalam melaksanakan hukuman-hukuman *ta'zir*. Sesiapa yang disyaki bahawa dia telah menyerang seseorang dengan memukul dan sebahagian dari kesan-kesan material menunjukkan sama ada ke atas alat pukulan atau tubuh badan orang yang dipukul atau hatta ke atas tubuh badan pemukul yang merujuk kepada orang yang menyerang, maka di sini bolehlah dilaksanakan hukuman *ta'zir* ke atasnya walaupun terdapat *shubhah* yang bertentangan dengan pendalilan petanda-petanda perubahan. Dengan syarat ianya tidaklah lebih kukuh darinya dalam pendalilan. Misalnya, jika terdapat kesan-kesan bagi seseorang ke atas alat serangan ke atas orang lain, sedangkan orang itu pada masa berlakunya kejadian berada di tempat lain di luar negeri atau di dalamnya, maka tidak seharusnya di lihat kepada kesan-kesan tersebut kerana terdapat bukti kukuh yang menyanggahnya yang menegah dari dilaksanakan hukuman ke atasnya.

Wallahua 'alam

RUJUKAN:

1. *Al-Qur'an*.
2. *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif (al-Kutub al-Sittah)*, 2000, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'
3. Abu al-Raghib, Samih, 2000, *al-Tibb al-Shar'i wa 'Adab al-Tibb*, (Muhadarat fi Kulliyat al-Tibb) 'Amman: al-Jami'ah al-Urduniyyah.
4. Al-Dardir, Ahmad ibn Muhammad, 1996, *al-Sharh al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
5. Al-Jabiri, Jalal Mahmud, 19191, *al-Tibb al-Shar'i wa al-Samum*, Sana'a: Munsha'at Jami'at al-Sana'a.
6. Al-Minshawi, 'Abd al-Hamid, 1993, *al-Tibb al-Shar'i wa Dawruhu al-Fanni fi al-Bahth 'an al-Jarimah*, al-Iskandariah: Dar al-Fikr al-Jami'i.
7. Al-Sarkhasi, Sham al-Din Abu Bakar, 1989, *al-Mabsut*, Mabsut, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
8. Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris, 1393H., *al-Umm*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
9. Al-Tumi, 1993, 'Adil Abd al-Hafiz, *al-Tasammum bi al-Kuhulat*, al-Iskandariah: Munazzamah al-Sihhah al-'Alamiyyah.
10. Al-Tusturi, al-Shaikh Muhammad Taqi, 1308H., *Qada'Amir al-Mu'minin 'Ali ibn 'Abi Talib*, al-Najaf: al-Matba'ah al-Haydariyyah.
11. Al-Zuhayli, Dr. Muhammad Mustafa, 1982, *Wasa'il al-Ithbat fi al-Shari'ah al-Islamiyyah fi al-Mu'amalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Shakhsiyyah*, Dimashq: Maktab Dar al-Bayan.
12. Fawdah, 'Abd al-Hakam dan lain-lain, 1996, *al-Tibb al-Shar'i wa Jara'im al-I'tida' 'ala al-Ashkhas wa al-Amwal*, al-Iskandariah: Dar al-Matbu'at al-Jami'iyyah.
13. Husain, 'Uthman Salim, 1999, *al-Tibb al-Shar'i*, t.p.
14. Ibn 'Abidin, Muhammad Amin, 1994, *Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

15. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din ‘Abi ‘Abd Allah Muhammad ibn Abi Bakr, t.th., ***al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar’iyyah***, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
16. Ibn Hanbal, al-Imam Ahmad, t.th., ***Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal***, al-Qaherah: Matba’ah Dar al-Ma’arif.
17. Ibn Muflih, Ibrahim ibn Muhammad, t.th., ***al-Mubdi’fi Sharh al-Muqni’***, Beirut: al-Maktab al-Islami.
18. Ibn Qudamah, Muwafiq al-Din Abu Muhammad Abd Allah ibn Ahmad, 1992, ***al-Mughni Sharh Mukhtasar al-Kharqi***, al-Qaherah: Hijrah li al-Tiba’ah wa al-Nashr.
19. ***Mawsu’ah al-Fiqh al-Islami***, t.th., al-Qaherah: Dar al-Kitab al-Misri.
20. Shahrur, t.th., ***al-Tibb al-Shar’i Mabadi’wa Haqa’iq***, t.p.
21. Wajih, Ibrahim Mahmud, 1993, ***al-Jara’im al-Jinsiyyah***, al-Iskandariah: Munazzamah al-Sihhah al-‘Alamiyyah.
22. Yasin, Muhammad Na’im, 1996, ***‘Amaliyyat al-Ratq al-‘Uzri fi Mizan al-Maqasid al-Shar’iyyah***, ‘Amman: Dar al-Nafa’is li al-Nashr wa al-Tawzi’.